

PENGGANTI SAJIAN NUTRILITE™ (GLOBAL) KISAH KEBOLEHJEJAKAN 9 LANGKAH

Mesej di bawah memperincikan kisah kebolehjejukan 9 langkah untuk Pengganti Sajian. Kisah bahan soya ini boleh dimanfaatkan dalam pelbagai cara dan berbilang saluran untuk menyokong Program Kebolehjejukan Nutrilite di pasaran anda. Jangan lupa untuk menyampaikan kisah tersebut kepada ABO anda supaya mereka juga dapat memanfaatkan kebolehjejukan ini bagi membantu membezakan produk Nutrilite.

LANGKAH 1 - MEMILIH BOTANI



Apabila bercakap tentang protein berasaskan tumbuhan yang berkualiti tinggi, soya bukan GMO yang terdapat dalam minuman kocak pengganti sajian BodyKey by Nutrilite™ adalah bintang handalan! Ia bebas kolesterol, rendah lemak, mudah dihadam dan mengandungi semua asid amino yang diperlukan untuk menyokong otot. Tambahan pula, ia boleh membantu menyokong penurunan berat badan yang sihat kerana proteinnya mudah dihadam dan membantu anda berasa kenyang.

NUT_PHO_SOYBEAN2_ASA

LANGKAH 2 - MEMILIH BIJI BENIH



Kami serius tentang soya bukan GMO – dan begitu juga dengan rakan kongsi ladang NutriCert™ kami! Amat serius sehinggakan mereka menguji sampel setiap kelompok biji benih kacang soya sebelum menanamnya bagi mengesahkan bahawa biji benih telah memenuhi standard bukan GMO kami.

NUT_STORY_TL_ING020

LANGKAH 3 - MEMILIH LADANG



Penanaman kacang soya bukan GMO menggunakan kaedah mampan memerlukan kerja dan komitmen yang lebih – beberapa ladang melakukannya dengan mengikut standard kami dan itulah yang menjadikan ladang kacang soya rakan kongsi kami di Amerika Syarikat begitu istimewa. Ladang-ladang tersebut membantu melindungi tanah yang bersempadanan, mengekalkan tebing sungai daripada hakisan, menyediakan habitat hidupan liar dan menapis larian air daripada tanah ladang bersebelahan.

NUT_TRACE_SHUTTERSTOCK_1275386086

LANGKAH 4 - MENANAM



Meminimumkan pendedahan kepada kemungkinan pencemaran silang GMO* daripada pertanian berhampiran adalah penting dan ladang rakan kongsi kami berusaha lebih gigih sama seperti yang kami lakukan di ladang Nutrilite™ kami sendiri. Mereka memilih lokasi padang secara strategik, menggunakan zon penanaman di sekeliling tanaman dan malahan menggunakan tarikh penanaman alternatif untuk mengurangkan pendedahan tanaman mereka kepada debunga lain.

NUT_TRACE_SHUTTERSTOCK_579112222

LANGKAH 5 - MENUAI



Kacang soya yang masak dituai menggunakan peralatan yang baharu dibersihkan. Kemudian ia segera dipindahkan dan disimpan dalam tong bijirin bukan GMO yang dikhususkan bagi memastikan ketulenannya. Sampel setiap tanaman mesti melepasi standard ujian kami bagi pencemaran silang GMO serta kualiti tanaman, kotoran dan rumpai.

NUT_TRACE_SHUTTERSTOCK_552645883

LANGKAH 6 - MENGEKSTRAK



Pencilan protein diekstrak daripada kacang soya kering menggunakan teknologi air proprietari, kemudiannya dikeringkan dan dijadikan serbuk. Serbuk tersebut sangat pekat dengan protein dan turut mengandungi kalsium, potasium, zink serta fosforus yang bermanfaat.

NUT_TRACE_SHUTTERSTOCK_269056163


LANGKAH 7 - PENGILANGAN



Kami sangat taksub dengan kebersihan sehinggakan kami melarang kasut jalan daripada memasuki kawasan pengilangan kami kerana mungkin terdapat sejumlah kecil kotoran, kuman atau lembapan pada kasut tersebut! Tetapi untuk kepastian, setiap kelompok serbuk dianalisis dan diuji beratus kali untuk ketulenannya dan keselamatan semasa ia beralih daripada bahan kepada produk siap. Jika sesuatu yang tidak baik berjaya menembusi, kami akan membuang keseluruhan kelompok – supaya anda tidak akan menemui sebarang bahan cemar di sini!

NUT_STORY_ADA_PLANT10

LANGKAH 8 - PEMBUNGKUSAN



Setiap langkah perjalanan pengganti sajian anda didokumenkan. Jadi, setiap kelompok mempunyai kertas kerja pembungkusannya yang tersendiri dengan jejak yang panjang merangkumi item yang dikeluarkan, tarikh pengeluaran, kod kelompok, kuantiti dan identiti bahan mentah yang digunakan, peralatan yang digunakan dan pekerja yang bertanggungjawab. Begitulah caranya kami boleh memberi jaminan kepada anda bahawa apa yang tertera pada label adalah bahan yang terkandung dalam botol – tiada yang lebih dan tiada yang kurang.

NUT_TRACE_SOY_PACKAGING

LANGKAH 9 - ANDA



Kami benar-benar maksudkannya apabila kami katakan yang anda boleh bertanya apa sahaja kepada kami tentang pembuatan pengganti sajian anda. Setiap penghantaran produk siap mempunyai rekod pengeluaran dan pembungkusan yang memperincikan setiap langkah bahan, daripada biji benih hingga produk siap dan seterusnya kepada anda.

*Bukan bahan teroka bentuk secara genetik.

NUT_TRACE_SOY_HOME